

Poster filem kita biar beradab sopan

MAJLIS Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (MPP USIM) kesal dengan poster filem *Cinta Yang Satu* terbitan sebuah syarikat filem seperti disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan pada 7 Februari lalu.

Poster filem berkenaan cukup memalukan kerana ia menunjukkan aksi berpelukan yang mengghairahkan watak utamanya. Gaya ini bertentangan dengan nilai ketimuran yang selama ini dijunjung teguh rakyat Malaysia.

Ketika seluruh pihak berganding bahu dan menggembeng tenaga untuk menyahut seruan Perdana Menteri untuk membentuk masyarakat yang mempunyai jati diri yang kukuh, ada pula pihak yang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan usaha dan komitmen itu.

Syarikat filem berkenaan sepatutnya bertanggungjawab menarik balik pengeluaran poster berkenaan. MPP USIM juga menyeru kepada seluruh penggiat seni tanah air lebih peka dalam pembentukan nilai dan moral insan.

Menyedari dunia selebriti begitu kuat mempengaruhi corak hidup masyarakat, mereka sepatutnya menggunakan peluang emas ini sebaik mungkin untuk mendidik masyarakat. Asasnya, hiburan tidak salah dan semua orang memerlukan elemen hiburan dalam kehidupan.

MPP USIM menyarankan penggiat seni mempertingkatkan karya mereka dengan penerapan elemen pendidikan dan pembinaan insan.

**MOHD HARIRI
MOHAMAD DAUD,**

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (MPPUSIM).